

TERMA DAN SYARAT YANG MENGAWAL KEMPEN “RCB EXCLUSIVE INVITATION & REFERRAL”

Kempen “*RCB Exclusive Invitation & Referral*” (“Kempen”) ini dilancarkan bersama-sama oleh Public Bank Berhad (No. Pendaftaran 196501000672 (6463-H)) (“PBB”) dan Public Islamic Bank Berhad (No. Pendaftaran 197301001433 (14328-V)) (“PIBB”). Terma dan syarat yang berikut akan mengawal Kempen ini.

1. Tempoh Kempen

- 1.1 Kempen ini akan berlangsung dari **1 September 2022 hingga 31 Oktober 2022**, [termasuk kedua-dua tarikh tersebut, atau tarikh lain seperti yang ditentukan oleh PBB / PIBB (“Tempoh Kempen”)].
- 1.2 Kempen ini boleh didapati di semua cawangan PBB dan PIBB termasuk Pusat Perbankan *Red Carpet* (“RCB”) di Malaysia.

2. Kelayakan

2.1 Kempen ini merangkumi 2 subkempen:

a) *RCB Exclusive Invitation*

- Subkempen ini terbuka kepada pelanggan baharu Bank yang tidak mengekalkan apa-apa rekod / hubungan dengan PBB dan/atau PIBB sebelum Tempoh Kempen atau pelanggan individu sedia ada yang tidak mempunyai apa-apa akaun deposit dengan PBB dan/atau PIBB sebelum Tempoh Kempen (“Peserta yang Layak”).

b) *Referral Reward*

- Subkempen ini terbuka kepada pelanggan RCB (“Perujuk yang Layak”).

2.2 Mereka yang berikut **TIDAK** layak untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini:

- a) kakitangan tetap dan/atau kontrak PBB, PIBB dan Public Investment Bank Berhad (“PIVB”);
- b) pelanggan bukan individu iaitu keempunyaan tunggal, perkongsian, entiti korporat, persatuan, kelab, sekolah dan pertubuhan;
- c) orang yang tidak waras;
- d) orang yang telah diisytiharkan bankrap atau mempunyai prosiding guaman dalam apa jua bentuk terhadap mereka; dan
- e) orang yang akaunnya dengan PBB dan/atau PIBB culas atau tidak disenggara dengan memuaskannya seperti yang ditetapkan oleh PBB dan/atau PIBB.

- 2.3 Kempen ini **TIDAK** sah dengan promosi produk atau kempen lain yang ditawarkan serentak oleh PBB dan/atau PIBB.

3. Terma Khusus untuk *RCB Exclusive Invitation*

- 3.1 Produk yang Layak di bawah subkempen ini adalah seperti yang berikut:

Bil.	Produk yang Layak
a.	<u>Akaun Deposit Tetap / Deposit Bertempoh-i yang Layak ("FD / DB-i yang Layak"):</u> <ul style="list-style-type: none">• Deposit Tetap PLUS ("FD PLUS")*• Deposit Bertempoh-i ("DB-i")*
b.	<u>Akaun Semasa atau Simpanan yang Layak ("CASA yang Layak"):</u> <ul style="list-style-type: none">• Akaun Simpanan PLUS ("PLUS SA")*• Akaun Premier ACE ("Premier ACE")*

* Dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.

- 3.2 Semasa Tempoh Kempen, Peserta yang Layak yang membuka satu CASA yang Layak dengan deposit permulaan minimum sebanyak RM10,000 ("Deposit Permulaan Minimum") akan layak untuk menikmati kadar faedah / keuntungan promosi bagi peletakan mereka dalam FD PLUS / DB-i dalam Tempoh Kempen, seperti yang dinyatakan pada Fasal 3.3 (Jadual A) di bawah.
- 3.3 Kadar faedah / keuntungan promosi hanya diterima pakai untuk satu (1) kali peletakan semasa Tempoh Kempen:

Jadual A

Untuk tempoh kempen dari 1 September 2022 hingga 19 September 2022:

Tempoh	Kadar Faedah / Keuntungan Promosi (% setahun)	
	Peletakan satu (1) kali dalam FD PLUS / DB-i untuk jumlah sebanyak RM300,000	Peletakan satu (1) kali dalam FD PLUS / DB-i untuk jumlah sebanyak RM1,000,000
4 Bulan	2.70 (bagi keahlian RCB Gold)	2.75 (bagi keahlian RCB Elite)

Untuk tempoh kempen dari 20 September 2022 hingga 31 Oktober 2022:

Tempoh	Kadar Faedah / Keuntungan Promosi (% setahun)	
	Peletakan satu (1) kali dalam FD PLUS / DB-i untuk jumlah sebanyak RM300,000	Peletakan satu (1) kali dalam FD PLUS / DB-i untuk jumlah sebanyak RM1,000,000
4 Bulan	2.90 (bagi keahlian RCB Gold)	2.95 (bagi keahlian RCB Elite)

- 3.4 Selepas peletakan FD PLUS / DB-i, Peserta yang Layak dikehendaki mendaftar untuk keahlian RCB secara serentak.
- 3.5 Peletakan FD PLUS / DB-i dan pembukaan CASA yang Layak dengan Deposit Permulaan Minimum mesti dibuat di cawangan / Pusat RCB yang sama.
- 3.6 Peserta yang Layak mestilah pemegang akaun yang sama bagi kedua-dua FD PLUS / DB-i dan CASA yang Layak.
- 3.7 Semua wang atau dana yang diletakkan di bawah Kempen ini mestilah dana baharu. “Dana baharu” merujuk apa-apa wang atau dana yang bukannya daripada dana sedia ada dalam akaun deposit Peserta yang Layak sama ada dipegang secara bersendirian atau bersama-sama dengan orang lain dan disenggara dengan PBB dan/atau PIBB. Peserta yang Layak mesti membuat peletakan deposit dalam tempoh tujuh (7) hari kalendar dari tarikh wang atau dana itu dipindahkan atau dikreditkan dalam akaun Peserta yang Layak, jika tidak wang atau dana itu tidak lagi dianggap sebagai “dana baharu”.
- 3.8 FD PLUS / DB-i hanyalah untuk peletakan selama 4 bulan sahaja. Kadar faedah / keuntungan promosi hanya diterima pakai untuk satu (1) pusingan sahaja. FD PLUS / DB-i itu akan diperbaharui secara automatik untuk tempoh 4 bulan pada kadar faedah / keuntungan kaunter semasa PBB dan/atau PIBB dan faedah FD PLUS / keuntungan DB-i (mana-mana yang berkenaan) akan ditambah kepada amaun pokok atau dikreditkan dalam CASA yang Layak Peserta yang Layak apabila matang.
- 3.9 Apabila matang, faedah FD PLUS / keuntungan DB-i (mana-mana yang berkenaan) akan ditambah kepada amaun pokok atau dikreditkan dalam CASA yang Layak Peserta yang Layak menurut peraturan operasi biasa PBB / PIBB bagi pengkreditan faedah FD PLUS / keuntungan DB-i (mana-mana yang berkenaan) dalam CASA.

3.10 Faedah atau keuntungan (mana-mana yang berkenaan) dikira berdasarkan bilangan hari sebenar.

3.11 **Apa-apa peletakan FD PLUS / DB-i yang dibuat di bawah Kempen ini dan dikeluarkan sebelum kematangannya tidak layak untuk apa-apa faedah / keuntungan (mana-mana yang berkenaan).**

Keadaan di atas akan terus diterima pakai apabila peletakan FD PLUS / DB-i diperbaharui.

3.12 Pengeluaran sebahagian peletakan dalam FD PLUS / DB-i adalah **tidak** dibenarkan.

3.13 Semua arahan bagi pengeluaran peletakan FD PLUS / DB-i mesti dibuat dengan memberi arahan bertulis yang jelas dan tepat dan ditandatangani dengan sewajarnya oleh penandatanganan dibenarkan pemegang akaun yang berkaitan. PBB dan PIBB berhak untuk menolak / mengelak daripada melaksanakan arahan tersebut sekiranya tandatangan pada dokumen seumpama itu, pada pandangan PBB dan/atau PIBB, mengikut keadaannya, berbeza daripada tandatangan contoh dalam sistem PBB atau PIBB. Semua pindaan pada arahan tersebut hendaklah disahkan dengan penandatanganan dibenarkan yang mana tandatangan itu hendaklah sama dengan tandatangan contoh dalam sistem PBB atau PIBB.

3.14 Apa-apa peletakan deposit yang dibuat di bawah Kempen ini tidak akan diikrarkan sebagai cagaran bagi apa-apa overdraf, kemudahan tunai-i atau apa-apa kemudahan atau pembiayaan lain.

4. Terma Khusus untuk *Referral Reward*

4.1 Perujuk yang Layak yang berjaya merujuk seorang pelanggan baharu kepada Bank (“Penyokong yang Layak”) untuk mendaftar bagi keahlian RCB dengan PBB / PIBB layak untuk mendapat Ganjaran Perujukan yang berikut:

Status Keahlian RCB bagi Penyokong yang Layak	Ganjaran Perujukan
RCB Gold	RM400
RCB Elite	RM800

Penyokong yang Layak perlu melengkapkan borang permohonan perujukan (“Borang Permohonan Perujukan”) dan mengemukakan kepada cawangan / Pusat RCB semasa Tempoh Kempen.

- 4.2 Penyokong yang Layak mesti memenuhi kriteria kelayakan keahlian RCB seperti yang berikut:

Deposit Agregat Minimum	Status Keahlian
RM300,000 dan di bawah RM1,000,000	RCB Gold
RM1,000,000 dan ke atas	RCB Elite

- 4.3 Deposit Agregat Minimum ialah kombinasi jumlah baki kredit untuk mana-mana akaun deposit yang berikut:

- a) Deposit Tetap Mata wang Asing (setara dengan Ringgit Malaysia);
- b) Akaun Semasa / Akaun Semasa-i Mata wang Asing (setara dengan Ringgit Malaysia);
- c) Akaun Semasa / Akaun Semasa-i;
- d) Akaun Simpanan / Akaun Simpanan-i; atau
- e) Deposit Tetap / e-Deposit Tetap / Deposit Bertempoh-i / e-Deposit Bertempoh-i.

Akaun-akaun deposit di atas dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.

- 4.4 Sekiranya Penyokong yang Layak membuka satu akaun deposit bersama, Perujuk yang Layak akan hanya mendapat satu (1) Ganjaran Perujukan untuk perujukan yang berjaya di bawah Kempen ini.

Ilustrasi:

Encik A (Perujuk yang Layak) berjaya merujuk Encik B dan Puan B (dua orang Penyokong yang Layak) untuk mendaftar bagi keahlian RCB Gold yang mana Encik B dan Puan B membuka satu akaun FD secara bersama bagi jumlah sebanyak RM300,000. Oleh itu, Encik A akan layak untuk mendapat satu (1) Ganjaran Perujukan sebanyak RM400 sahaja.

- 4.5 Sekiranya Penyokong yang Layak membuka satu akaun deposit bersama dengan Perujuk yang Layak, Perujuk yang Layak tidak akan layak untuk apa-apa Ganjaran Perujukan di bawah Kempen ini.

Ilustrasi

Encik C (Perujuk yang Layak) berjaya merujuk Puan C (Penyokong yang Layak) untuk mendaftar bagi keahlian RCB Elite yang mana Encik C dan Puan C membuka satu akaun FD bersama bagi jumlah sebanyak RM1,000,000. Oleh itu, Encik C TIDAK akan layak untuk mendapat Ganjaran Perujukan sebanyak RM800.

- 4.6 Sekiranya lebih daripada satu (1) Perujuk yang Layak merujuk Penyokong yang Layak yang sama, Ganjaran Perujukan akan dibayar kepada Perujuk yang Layak yang dinamakan dalam Borang Permohonan Perujukan yang mula-mula diserahkan oleh Penyokong yang Layak kepada cawangan / Pusat RCB yang akan ditentukan berdasarkan tarikh dan masa dalam rekod yang diselenggara oleh PBB atau PIBB, mengikut keadaannya, dan dengan syarat permohonan keahlian RCB Penyokong yang Layak itu berjaya.
- 4.7 Walaupun pelanggan baharu kepada Bank telah memenuhi kriteria untuk menjadi ahli RCB, PBB dan PIBB berhak untuk menolak apa-apa permohonan keahlian RCB itu tanpa memberi apa-apa sebab dan membuat rujukan selanjutnya kepada pelanggan baharu kepada Bank dan Perujuk yang Layak. Oleh itu, Perujuk yang Layak tidak akan layak untuk apa-apa Ganjaran Perujukan.
- 4.8 Penyokong yang Layak layak untuk mengambil bahagian dalam mana-mana kempen promosi eksklusif RCB yang lain hanya **SELEPAS** mendapat keahlian RCB.
- 4.9 Ganjaran Perujukan akan dikreditkan dalam tempoh dua belas (12) minggu selepas akhir Tempoh Kempen dalam Akaun Semasa/Akaun Semasa-i atau Akaun Simpanan/Akaun Simpanan-i (CASA / CASA-i) yang paling akhir dibuka oleh Perujuk yang Layak dengan PBB atau PIBB.
- 4.10 Ganjaran Perujukan ini tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga, tidak boleh dirundingi dan tidak boleh ditukarkan dengan pendahuluan tunai, kredit atau barangan, sebahagian atau sepenuhnya.
- 4.11 PBB dan PIBB berhak untuk menarik balik Ganjaran Perujukan:-
 - a) sekiranya CASA / CASA-i Perujuk yang Layak ditutup, digantung atau ditamatkan atau CASA / CASA-i Perujuk yang Layak menjadi dorman sebelum pengkreditan Ganjaran Perujukan;

- b) sekiranya terma dan syarat ini, terma dan syarat yang mengawal Produk yang Layak, terma dan syarat yang mengawal keahlian RCB dan terma dan syarat yang mengawal CASA / CASA-i tidak dipatuhi.

5. Terma dan Syarat Am

- 5.1 Dengan mengambil bahagian dalam Kempen ini, Peserta yang Layak dan/atau Perujuk yang Layak dan/atau Penyokong yang Layak bersetuju untuk mematuhi terma dan syarat ini, terma dan syarat yang mengawal Produk yang Layak, terma dan syarat yang mengawal Keahlian RCB dan terma dan syarat yang mengawal CASA / CASA-i (termasuk apa-apa pindaan, perubahan dan/atau semakan semula terma dan syarat berkenaan). Sekiranya terdapat ketidakseragaman antara terma dan syarat ini dengan terma dan syarat yang mengawal Produk yang Layak, terma dan syarat yang mengawal Keahlian RCB dan terma dan syarat yang mengawal CASA / CASA-i, terma dan syarat ini akan diterima pakai bagi tujuan Kempen ini.
- 5.2 Peserta yang Layak dan/atau Perujuk yang Layak dan/atau Penyokong yang Layak mengakui dan bersetuju bahawa rekod urus niaga yang disenggara oleh PBB dan PIBB dan keputusan PBB dan PIBB berkaitan dengan apa-apa perkara mengenai Kempen ini adalah muktamad, konklusif dan mengikat ke atas mereka. PBB dan PIBB tidak akan melayani apa-apa rayuan atau surat-menyerat daripada mana-mana Peserta yang Layak dan/atau Perujuk yang Layak dan/atau Penyokong yang Layak dan/atau pihak ketiga.
- 5.3 Peserta yang Layak dan/atau Perujuk yang Layak dan/atau Penyokong yang Layak bersetuju dan memberi keizinan mereka kepada PBB dan PIBB untuk memproses, mengumpul, menggunakan dan menyimpan kesemua maklumat mereka berkaitan dengan Produk yang Layak, Keahlian RCB, CASA / CASA-i bagi tujuan Kempen ini.
- 5.4 PBB dan PIBB tidak akan dipertanggungjawabkan mahupun bertanggungjawab bagi apa-apa bentuk dan apa sekali pun yang timbul atau dialami oleh Peserta yang Layak dan/atau Perujuk yang Layak dan/atau Penyokong yang Layak dan/atau pihak ketiga yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung daripada Kempen ini kecuali disebabkan oleh kecuaiian atau salah laku teruk yang disengajakan oleh PBB atau PIBB secara khusus berkaitan dengan Kempen ini.
- 5.5 PBB dan PIBB tidak akan dipertanggungjawabkan bagi apa-apa salah tafsiran atau salah gambaran fakta oleh pihak ketiga yang tidak dibenarkan berkaitan dengan Kempen ini yang disiarkan dalam mana-mana media massa, bahan pemasaran atau pengiklanan.

- 5.6 Sejauh mana dibenarkan oleh undang-undang, PBB dan PIBB secara nyata mengecualikan dan menolak apa-apa representasi, waranti atau pengesahan, secara nyata atau tersirat, bertulis atau lisan, tanpa pengedaran kepada apa-apa yang diterbitkan dalam media massa, bahan pemasaran atau pengiklanan, termasuk tetapi tidak terhad pada apa-apa jaminan kualiti, kebolehdagangan atau kesesuaian untuk sesuatu tujuan berkaitan dengan Kempen ini.
- 5.7 Sekiranya terdapat ketidakseragaman antara terma dan syarat ini dengan apa-apa bahan pengiklanan, kempen, promosi, publisiti dan bahan lain yang berkenaan atau berkaitan dengan Kempen ini, terma dan syarat ini akan diterima pakai.
- 5.8 PBB dan PIBB berhak:
- a) untuk membuat penambahan, memotong atau mengubah terma dan syarat ini, dari semasa ke semasa, sepenuhnya atau sebahagiannya, dengan memberi notis selama dua puluh satu (21) hari kalendar terlebih dahulu kepada Peserta yang Layak dan/atau Perujuk yang Layak dan/atau Penyokong yang Layak melalui penulisan dalam laman web PBB / PIBB, mempamerkan notis di cawangan PBB / PIBB atau apa-apa kaedah lain yang akan ditentukan oleh PBB / PIBB dari semasa ke semasa dan terma dan syarat yang dipinda itu akan diterima pakai bagi apa-apa peruntukan atau representasi yang terkandung dalam mana-mana bahan promosi yang mengiklankan Kempen ini.
 - b) untuk membatalkan, menarik balik, menggantung atau menamatkan Kempen ini sebelum Kempen ini tamat, sepenuhnya atau sebahagiannya, dengan memberi notis selama dua puluh satu (21) hari kalendar terlebih dahulu kepada Peserta yang Layak dan/atau Perujuk yang Layak dan/atau Penyokong yang Layak melalui penulisan dalam laman web PBB / PIBB, meletakkan notis di cawangan PBB / PIBB, atau apa-apa kaedah lain seperti yang akan ditentukan oleh PBB / PIBB dari semasa ke semasa. Bagi mengelakkan keraguan, apa-apa pembatalan, penarikan balik, penggantungan atau penamatan tidak akan melayakkan Peserta yang Layak dan/atau Perujuk yang Layak dan/atau Penyokong yang Layak untuk apa-apa tuntutan atau ganti rugi terhadap PBB / PIBB bagi mana-mana dan semua kerugian atau ganti rugi yang ditanggung atau dialami oleh Peserta yang Layak dan/atau Perujuk yang Layak dan/atau Penyokong yang Layak.
 - c) untuk menyemak semula kadar faedah / keuntungan promosi di bawah Kempen ini dengan memberi notis terlebih dahulu kepada Peserta yang Layak melalui penulisan dalam laman web PBB / PIBB, mempamerkan notis di cawangan PBB / PIBB atau apa juga kaedah lain seperti yang ditentukan oleh PBB / PIBB dari semasa ke semasa.

- 5.9 Terma dan Syarat ini akan dikawal dan ditafsir menurut undang-undang Malaysia dan Peserta yang Layak dan/atau Perujuk yang Layak dan/atau Penyokong yang Layak bersetuju untuk mematuhi bidang kuasa bukan eksklusif mahkamah di Malaysia.

- 5.10 Peserta yang Layak dan/atau Perujuk yang Layak dan/atau Penyokong yang Layak boleh membaca Notis Kerahsiaan PBB / PIBB yang menyatakan bagaimana PBB / PIBB menggunakan maklumat mereka dalam laman web PBB / PIBB atau di mana-mana cawangan PBB / PIBB.

Halaman Selebihnya Pada Muka Surat Ini Sengaja Dibiarkan Kosong
